

## ► Bulan Kemerdekaan KML 2014

# UMSKAL ungguli bola tampar

**LABUAN:** Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengungguli tiga acara sukan pada perlawanan persahabatan sempena Bulan Kemerdekaan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) 2014.

Pada pertandingan yang diadakan di gelanggang KML

itu menyaksikan UMSKAL muncul juara acara bola tampar lelaki dan wanita serta bola jaring manakala bola sepak hanya mampu bergelar naib juara.

Pertandingan yang berlangsung pada 12-14 September lalu itu dirasmikan oleh Pengarah KML, Sawang @Rizal Amit.

Turut dipertandingkan sukan



**PEMAIN** Bola Jaring UMSKAL turut menjuarai acara itu sempena Bulan Kemerdekaan KML 2014.



**PEMAIN** Bola Tampar Lelaki dan Wanita UMSKAL meraikan kejayaan mereka.

squash.

Pegawai Belia dan Sukan UMSKAL Gabriel Moinjil yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan tahniah kepada mahasiswa UMSKAL yang memenangi tiga acara itu.

Beliau berharap kemenangan itu akan menaikkan semangat mahasiswa UMSKAL untuk terus mencipta kejayaan dalam kejohanan lain sama ada di peringkat universiti,

Wilayah Persekutuan Labuan, kebangsaan maupun antarabangsa.

Gabriel tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada jurulatih yang memastikan pemain muda itu memberikan saingan sengit kepada lawan.

Dalam pada itu, Gabriel muh pemain menjadikan pertandingan seperti itu landasan untuk mengekalkan kecergasan dan stamina serta kemahiran

sebelum menghadapi kejohanan lain.

Beliau juga berharap penyertaan pada sukan itu akan mengeratkan lagi hubungan persahabatan dengan KML yang sedia terjalin baik selama ini.

"Jika mahasiswa gigih menjalani latihan di bawah bimbingan jurulatih, saya yakin mereka mampu mencipta lebih banyak kejayaan pada pertandingan yang lain," katanya.